NO SOALAN : 317

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
[JELI]

SOALAN NO. 317

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah penambahbaikan skim pembiayaan perumahan yang sedang diambil oleh Kerajaan. Apakah ia mampu menyelesaikan isu pemilikan rumah oleh golongan yang kurang berkemampuan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, secara umumnya, terdapat pelbagai isu atau cabaran berhubung pemilikan rumah di negara ini. Antaranya adalah seperti peningkatan harga rumah, ketidaksepadanan antara penawaran dan permintaan rumah mengikut lokasi, penawaran perumahan kos rendah yang kurang, kesukaran untuk mendapatkan pinjaman pembiayaan perumahan dan sebagainya.

2. Sehubungan itu, bagi menambah baik skim perumahan khususnya kepada golongan yang kurang berkemampuan, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menubuhkan Dana Rumah Mampu Milik berjumlah RM1 bilion untuk membantu pembeli rumah daripada

kumpulan berpendapatan rendah bagi membiayai pembelian rumah pertama mereka.

3. Penubuhan dana ini membolehkan pembeli rumah yang layak daripada kumpulan berpendapatan rendah (RM2,300 dan ke bawah), untuk mendapatkan pembiayaan bagi pembelian rumah berharga sehingga RM150,000 daripada institusi kewangan yang mengambil bahagian seperti AmBank, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Maybank dan RHB Bank melalui kadar pembiayaan serendah 3.5%.

4. Selain itu, Kerajaan juga telah meluluskan platform penjanaan dana masyarakat (*property crowdfunding*) sebagai sumber alternatif bagi pembelian rumah pertama yang dipacu oleh sektor swasta. Dalam hal ini, inisiatif FundMyHome yang diselia oleh EdgeProp Sdn. Bhd. telah diperkenalkan yang mana pembelian rumah pertama boleh dimohon oleh pembeli dengan hanya membayar deposit 20% daripada harga rumah dan baki 80% akan dibiayai oleh pelabur lain.

5. Untuk makluman Yang Berhormat juga, menyedari bahawa terdapat pembeli yang kurang berkemampuan untuk membayar sejumlah 20% deposit pembelian rumah di bawah FundMyHome, maka KPKT pada 20 Februari 2019 telah melancarkan skim baharu iaitu Skim FundMyHome-Depositku. Skim FundMyHome-Depositku ini menyediakan bantuan pembiayaan pinjaman sebanyak 10% daripada harga rumah atau maksima RM30,000 kepada pembeli yang layak. Untuk peringkat permulaan ini, Skim FundMyHome-Depositku hanya ditawarkan untuk pembelian Harmoni Apartment @ Eco Majestic, Semenyih yang mana rumah ini telah siap sepenuhnya dan sedia diduduki.

6. Kerajaan turut mengadakan program pemasaran secara berterusan di seluruh Malaysia mengikut zon/negeri melalui Program Home Ownership Campaign (HOC) bagi tahun 2019 yang menawarkan pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik bagi pembelian rumah kediamanyang bernilai melebihi RM300,000 sehingga RM2.5 juta berkuatkuasa bagi tempoh 6 bulan mulai 1 Januari 2019 dan pihak pemaju perumahan juga akan menawarkan potongan diskaun 10% ke atas harga hartanah kediaman projek sedia ada.

7. Selain daripada inisiatif yang telah dinyatakan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga dari semasa ke semasa akan meneruskan pelaksanaan skim-skim pembiayaan perumahan sedia ada di bawah Kementerian seperti Skim Sewa untuk Dimiliki (RtO) Program Perumahan Rakyat (PPR), Skim Perumahan Mampu Milik Swasta dan Skim Pinjaman Perumahan (SPP) bagi membantu kumpulan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah pertama.

Sekian, terima kasih.